

Projek perumahan perlu ada parit monsun elak banjir

KUANTAN - Semua projek perumahan baharu perlu disyaratkan membina parit monsun bagi memastikan aliran air sempurna supaya kejadian banjir dapat dielakkan.

Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh berkata, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) disaran agar melaksanakan syarat wajib itu sebelum meluluskan sebarang projek perumahan.

Beliau mendakwa, pihak MPK tidak pernah melaksanakan syarat wajib itu sedangkan ia penting.

"Saya sudah lama menerima aduan berhubung banjir kilat di kawasan perumahan dis ini sejak dipilih menjadi Ahli Parlimen Kuantan pada 2008.

"Melalui pemerhatian, tidak ada perancangan sistem perparitan yang betul di kawasan terlibat.

"Sebagai contoh, dari jambatan di Tanjung Lumpur sepanjang jalan ke Kempadang, terdapat banyak kawasan perumahan baru tapi semuanya dibina tanpa parit monsun. Pada dasarnya semua parit di kawasan perumahan tiada saluran air keluar," katanya kepada Sinar Harian di sini, semalam.

Katanya, beliau telah mengemukakan cadangan itu kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar dan beliau ber-

setuju isu itu serius.

"Tetapi saya agak sukar untuk mengadakan pertemuan bagi membincangkan masalah ini dengan pihak Majlis Perbandaran Kuantan (MPK)," katanya.

Fuziah mendakwa dalam tempoh lima tahun lalu, beliau hanya dapat berjumpa yang dipertua majlis sekali, itu pun hanya 15 minit dan sukar untuk mengadakan pertemuan dengan ahli majlis MPK lain.

"Beberapa minggu lalu saya menerima aduan melibatkan masalah penjaja namun pengarah yang menguruskan bahagian tersebut tidak dapat ditemui kerana sibuk," katanya.

Fuziah berkata, beliau juga bertemu dengan pegawai Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang menyatakan keprihatinan mereka berhubung isu itu dan mengakui tentang masalah kekurangan parit monsun di daerah ini selain masalah parit sedia ada yang tersumbat.

"Saya fikir lebih banyak lagi yang perlu dilakukan untuk menyelesaikan masalah parit monsun yang tersumbat di kawasan terlibat, terutama kawasan yang berisiko tertinggi berlakunya banjir.

"JPS memberi kerjasama penuh tetapi pegawai mereka tidak boleh melakukan banyak perkara kerana kekurangan dana," katanya.



Fuziah ketika meninjau parit monsun di Bandar Puteri Kuantan.

Dalam pada itu, MPK telah meletakkan syarat kepada pemaju perumahan untuk membina longkang kawasan tadahan mengikut skala cadangan pembangunan.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam MPK, Izad Zainal Muhammad Safian berkata, syarat itu sudah lama dikenakan kepada semua pemaju perumahan di daerah ini.

Bagaimanapun, menurutnya, kajian dan pelan induk perparitan dalam tindakan Jabatan Pengaliran Saliran (JPS).

"MPK bertanggungjawab menyelenggara longkang-longkang di dalam kawasan perumahan manakala JPS bertindak untuk

menyelenggara dan menguruskan longkang-longkang tanah utama dan sungai di daerah ini.

"Bagi jalan-jalan negeri dan persekutuan, penyelenggaraan 'road side drain' adalah di bawah tanggungjawab roadcare," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Menurutnya, untuk kawasan di Tanjung Lumpur kerja naik taraf dan baiki longkang bagi tahun 2017 ialah RM200,000 sudah dibelanjakan.

Dalam pada itu, Izad berkata, pihaknya sentiasa membantu membaiki longkang selepas mendapat aduan daripada orang awam.